

## **Ketokohan dan Sumbangan Tan Sri Dato' Seri (Dr) Syeikh Haji Ismail bin Haji Muhammad al-Hafiz dalam Bidang al-Quran**

*The Prominence and Contributions of Tan Sri Dato' Seri (Dr) Syeikh Haji Ismail bin Haji Muhammad al-Hafiz in the Field of the Quran*

**Norsyida Md Zin<sup>1\*</sup> & Mohamad Marzuqi Abdul Rahim<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),  
Ampang Pecah, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

\*Corresponding author: [norsyidanz@gmail.com](mailto:norsyidanz@gmail.com)

Received: 22 February 2024; Accepted: 16 April 2024; Published: 17 September 2024

**To cite this article (APA):** Md Zin, N., & Abdul Rahim, M. M. (2024). The Prominence and Contributions of Tan Sri Dato' Seri (Dr) Syeikh Haji Ismail bin Haji Muhammad al-Hafiz in the Field of the Quran. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(2), 38–49. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.2.3.2024>

### **Abstrak**

Ketokohan Tan Sri Dato' Seri (Dr) Syeikh Haji Ismail Haji Muhammad dalam bidang al-Quran tidak dapat dinafikan lagi. Tokoh ini telah memberikan sumbangan yang besar semenjak memulakan kerjaya beliau sehingga mendapat pelbagai pengiktirafan di peringkat Malaysia dan antarabangsa. Objektif kajian ini adalah untuk melihat latar belakang pendidikan al-Quran beliau di samping mengetengahkan sumbangan beliau di bidang al-Quran terutama dalam melahirkan qari dan qariah ternama negara. Oleh demikian, sejarah pendidikan al-Quran beliau dikemukakan bermula daripada beliau mempelajari ilmu al-Quran, menghafaz al-Quran dan perkembangan kerjaya beliau. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis kandungan dan analisis deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Tan Sri Dato' Seri (Dr) Syeikh Haji Ismail Haji Muhammad merupakan tokoh al-Quran yang sangat berjasa dan berperanan penting dalam perkembangan ilmu al-Quran di Malaysia. Beliau telah banyak memberi sumbangan di bidang pengajian al-Quran yang merangkumi tahfiz al-Quran, *tajwid*, *qiraat* dan *tarannum*. Lantikan beliau sebagai hakim majlis tilawah dan hafazan al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di samping sumbangan beliau sebagai tulang belakang kepada kejayaan qari qariah negara secara tidak langsung menyerlahkan ketokohan beliau yang tiada tandingan.

**Kata kunci:** Ketokohan, Sumbangan, Syeikh Ismail, Bidang al-Quran

## **Abstract**

*The prominence of Tan Sri Dato' Seri (Dr) Syeikh Haji Ismail Haji Muhammad in the field of the Quran cannot be denied. This figure has made significant contributions since the beginning of his career, receiving various recognitions at both national and international levels. This study aims to examine his Quranic education background while highlighting his contributions to the field, especially in producing renowned male and female Quranic reciters in the country. Therefore, his Quranic education history is presented, from his learning of Quranic knowledge memorization to his career development. This study is qualitative, employing content analysis and descriptive analysis. The findings indicate that Tan Sri Dato' Seri (Dr) Syeikh Haji Ismail Haji Muhammad is a highly influential figure in the development of Quranic knowledge in Malaysia. He has made significant contributions to Quranic studies, including Quran memorization, recitation rules (tajwid), Quranic readings (qiraat), and melodic recitation (tarannum). His appointment as a judge in national and international Quranic recitation competitions and his indirect contribution to the success of national Quranic reciters highlight his unparalleled expertise.*

**Keywords:** Prominence, Contribution, Syeikh Ismail, field of the al-Quran

## **Pendahuluan**

Al-Quran telah merakamkan barisan tokoh sahabat serta para penentang risalah Islam termasuk peristiwa yang menjadi latar belakang kepada turunnya beberapa ayat al-Quran. Abdurrahman Umairah (2020) menerusi karyanya yang sangat komprehensif berkaitan tokoh-tokoh di dalam al-Quran menjelaskan salah satu daripada metode al-Quran dalam mendidik umat Islam adalah dengan menampilkan beberapa peristiwa tokoh-tokoh untuk dijadikan iktibar dan pedoman sepanjang melaksanakan amanah Allah SWT. Antara tokoh-tokoh yang dinyatakan adalah Imru'ul Qais bin Habis, al-Ash'ath bin Qais r.a, Abu Ayyub al-Ansari, Hilal bin Umayyah r.a, Marthad bin Abi Marthad r.a, Umayyah bin Khalaf, Salim bin Ma'qil dan ramai lagi.

Tokoh ialah orang kenamaan atau terkemuka dalam bidang politik, agama, kebudayaan dan lain-lain (Kamus Dewan, 2015). Dalam konteks kajian ini, tokoh yang diketengahkan adalah seorang tokoh terkemuka dalam bidang agama. Dari segi istilah, tokoh agama ditafsirkan sebagai seorang yang dipercayai dan dihargai oleh masyarakat untuk menuntun mereka, seorang yang mengerti hal ehwal agama dan tekun dalam melaksanakan ibadah (Zakiyah Drajat, 1989).

Tokoh-tokoh agamawan telah memainkan peranan yang cukup signifikan dalam menyemarakkan penyebaran ilmu dan ajaran Islam kepada masyarakat. Ilmu merupakan senjata yang boleh mengeluarkan manusia daripada kejahilan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Mereka memandang tinggi kepentingan ilmu pengetahuan dengan menyahut saranan Rasulullah s.a.w untuk menyampaikan ajaran Islam sebagaimana sabda baginda s.a.w:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً

Maksudnya: “Sampaikanlah kalian daripadaku walau pun sepotong ayat”.

(HR. Imam al-Bukhari)

Oleh demikian, tokoh-tokoh yang terlibat menabur bakti demi kesuburan dan kelestarian ilmu seperti guru atau pendidik hendaklah dihormati, dihargai dan diberikan penghormatan serta ganjaran yang sewajarnya. Tidak memadai dengan itu, tokoh-tokoh ilmuwan yang berjaya dalam apa jua lapangan mereka perlu didedahkan kepada masyarakat supaya dapat menjadi contoh dan ikutan terutamanya kepada golongan muda (Rasid Muhamad, 2006).

Kajian ketokohan merupakan salah satu cara yang efektif bagi mengukur kesedaran masyarakat dalam memahami kehidupan dan sumbangan seseorang tokoh dari pelbagai latar belakang dan bidang (Hasliza Talib et al., 2019). Rosfaliza Abd Rahman et al. (2022) menjelaskan kajian ketokohan banyak menyentuh aspek profil, personaliti, pemikiran, kepakaran, kepimpinan, pengurusan, transisi, anugerah serta hadiah. Menurutnya lagi, *Ilm al-Rijal* merupakan perintis kepada kajian ketokohan ini.

Pemilihan tokoh di dalam kajian ini iaitu Tan Sri Dato' Seri (Dr) Syeikh Haji Ismail bin Haji Muhammad al-Hafiz (selepas ini disebut Syeikh Ismail) dibuat berdasarkan kepada beberapa kelebihan yang dimiliki dan telah pun dikenal pasti. Antaranya adalah kepakaran beliau dalam bidang al-Quran seperti tajwid, qiraat dan tarannum yang kurang direkodkan sebelum ini. Selain menjadi satu-satunya individu yang paling lama menyandang jawatan Imam Besar Masjid Negara, Kuala Lumpur, kepakaran beliau dalam bidang al-Quran melayakkan beliau dilantik menjadi hakim beberapa di beberapa peringkat pertandingan tilawah dan hafazan al-Quran samada dalam atau luar Malaysia.

Selain itu, pengurniaan beberapa anugerah seperti Ijazah Kehormat Doktor Pengajian al-Quran sempena Majlis Idul Ilmi Konvokesyen ke-10 dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada tahun 2008, Anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Terengganu tahun 2010, Anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Wilayah Persekutuan tahun 2019, Anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan tahun 2021 dan menjadi satu-satunya hafiz al-Quran di Malaysia dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri serta beberapa anugerah lain meletakkan beliau pada satu kedudukan yang istimewa sekaligus membuktikan kewibawaan serta kepakaran beliau dalam bidang pendidikan al-Quran diperaku dan dihargai oleh negara.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis kandungan dan analisis deskriptif. Kesemua maklumat dan bahan kajian diperolehi menerusi kajian kepustakaan seperti buku, artikel jurnal dan video rakaman temu bual di platform media sosial. Kajian ini memberi perincian kepada biografi Syeikh Ismail, latar belakang pendidikan al-Quran beliau di samping mengetengahkan sumbangan beliau di bidang al-Quran terutama dalam melahirkan qari dan qariah ternama negara.

## **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Hasil analisis ketokohan dan sumbangan Syeikh Ismail yang dikemukakan di dalam kajian ini sebagaimana berikut:

### **(a) Latar Belakang Tan Sri Dato' Seri (Dr) Syeikh Haji Ismail**

Kebahagiaan hidup pasangan Haji Muhammad bin Mat Aji dan Hajah Haliyyah binti Haji Mahmud diserikan dengan kelahiran seorang putera yang bertuah pada tanggal 2 Januari 1944

di Kampung Padang Pulut Dungun, Terengganu. Putera kebanggaan ayah serta bonda itu diberi nama Ismail yang lebih dikenali pada hari ini dengan gelaran Tan Sri Dato' Seri (Dr) Syeikh Haji Ismail bin Haji Muhammad al-Hafiz (Darul Quran, 2020). Beliau merupakan anak kedua daripada tiga orang adik-beradik seibu sebapa (IKIM, 2018). Pada tahun 1950 di usia enam tahun, beliau berpindah ke Bandar Dungun bersama keluarganya. Di daerah inilah Syeikh Ismail memulakan pendidikan peringkat rendah di Sekolah Melayu Dungun sehingga darjah 5 (Najmiah Omar, 2017).

Beliau kemudiannya menyambung pengajian di Sekolah Menengah Arab Dungun atau lebih dikenali dengan nama Sekolah Sultan Ismail di antara tahun 1955 sehingga tahun 1958 dan menjadi pelajar kumpulan pertama belajar di sekolah tersebut. Pada tahun 1962, Syeikh Ismail meneruskan pengajian Thanawi 4 di Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin (SMAAZA), Kuala Terengganu (Najmiah Omar, 2017).

Pada tahun 1966, Syeikh Ismail menyambung pengajian di Kelas Tahfiz al-Quran, Masjid Negara dan menjadi generasi pertama yang mengikuti pengajian tahfiz secara formal bersama lapan orang rakan (Siti Intan Dahlia Mohammad Harun, 2011; Azmil Hashim Ab. Halim Tamuri & Misnan Jemali 2013; Zainora Daud, 2015; Muriyah Abdullah, 2015; Nordin Ahmad, 2015; Darul Quran, 2020; Ilhaamie Abdul Ghani, 2022). Kelas tahfiz al-Quran tersebut dibimbing oleh Pengetua, Dato' Haji Muhammad Nor bin Ibrahim untuk tempoh dua tahun setengah sebelum beliau dilantik menjadi Mufti Kelantan (Khairul Anuar Mohamad, Sedek Ariffin & Mohd Zaini Zakaria, 2021). Syeikh Ismail menerusi temu bual di stesen radio ikim.fm menjelaskan, Dato' Haji Muhammad Nor menggalakkan beliau untuk membaca al-Quran sebagaimana gaya bacaan Syeikh Mahmoud Khalil al-Hussary, walau bagaimanapun beliau belum mampu mengikut gaya bacaan qari terkemuka tersebut. Sepanjang mengikuti pengajian tahfiz di Masjid Negara, Syeikh Ismail sangat terinspirasi dengan sabda Rasulullah s.a.w yang terdapat di dalam kitab *Nihāyah al-Qauli al-Mufīd Fī 'Ilm al-Tajwīd* iaitu:

الْقُرْآنُ غِنَى لَّا فَقْرَ بَعْدَهُ

Maksudnya: “*Al-Quran adalah kekayaan, tidak ada kemiskinan setelahnya*”. (Hadith riwayat Imam Muslim).

Hadis Rasulullah s.a.w ini telah memberi motivasi yang padu kepada Syeikh Ismail untuk terus bersungguh-sungguh menghafaz al-Quran di samping kata-kata semangat yang diberikan oleh gurunya Dato' Haji Muhammad Nor (IKIM, 2008). Berkat kesungguhan, beliau berjaya menamatkan hafazan al-Quran 30 juzuk dalam tempoh dua tahun (Hira Dakwah, 2016).

Mohd Hasbie al-Shiddieque Ahmad (2022) merakamkan perkongsian peribadi Syeikh Ismail mengenai Dato' Haji Muhammad Nor ketika bergelar pelajar di Kelas Tahfiz al-Quran. Menurut Syeikh Ismail, setiap hari Dato' Haji Muhammad Nor akan datang sebelum atau tepat jam 7.00 pagi sebelum bermulanya sesi pengajian yang ditetapkan oleh pengurusan Pusat Islam. Syeikh Ismail turut terlibat memberi pandangan beliau mengenai penerbitan kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran.

Idea asal penerbitan tafsir itu daripada Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Beliau telah memberikan tanggungjawab tersebut kepada Dato' Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim untuk menyediakan tafsirannya. Di atas faktor kekangan masa, penulisan terjemahan kitab tafsir tersebut selanjutnya dilengkapkan oleh Syeikh Abdullah Basmeih (Nasimah Abdullah, 2017; Nasimah Abdullah, 2017; Nasimah Abdullah & Lubna Abd Rahman, 2018; Idris Mansor & Kasyfullah Abd Kadir, 2018;

Muhammad Arif Musa et al., 2018; Nur Ain Hakimi, 2023) dan akhirnya diterbitkan pada tahun 1968. Khairul Anuar Mohamad et al. (2021) merakamkan pandangan Syeikh Ismail terhadap gurunya dengan menyatakan di antara guru Dato' Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim di Mekah ialah Tok Senggora.

Syeikh Ismail telah melanjutkan pengajian ke Maahad Qiraat Universiti Al-Azhar Subra pada tahun 1969 dalam bidang Takhassus Qiraat serta berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda al-Qiraat dan Ulum al-Quran (Darul Quran, 2020; Asyiqin Ab Halim et al., 2021). Menurutnya, ketika belajar di Mesir, beliau sempat berguru dengan Syeikh Mahmoud Khalil al-Hussary selama beberapa bulan di Masjid Hussein (IKIM, 2008). Oleh demikian, tidak hairanlah jika diteliti bacaan al-Quran yang dialunkan oleh Syeikh Ismail adalah mirip bacaan idolanya iaitu qari terkemuka Syeikh Mahmoud Khalil al-Hussary. Setelah pulang dari Mesir, Syeikh Ismail bertemu jodoh dengan Puan Sri Siti Sa'adiah binti Shafik. Hasil perkongsian hidup dengan isteri tersayang, beliau telah dikurniakan seorang cahaya mata dan dua orang cucu (Darul Quran, 2020).

#### (b) Kerjaya Syeikh Ismail

Syeikh Ismail memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir di Perwakilan Rabitah Alam Islami dan sebagai tenaga pengajar di Persekutuan Seruan Islam Singapura (JAMIYAH) selama enam tahun bermula dari tahun 1976. Kemudian, pada tahun 1982 (Najmiah Omar, 2017) beliau kembali ke negeri kelahiran beliau di Terengganu apabila diberi tanggungjawab oleh Menteri Besar Terengganu pada ketika itu untuk membuka Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu (MTANT) (Mohd A'tarahim Mohd Razali, 2016). Beliau berkhidmat sebagai pengetua di MTANT sehingga tahun 1992.

Berdasarkan pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan al-Quran, Syeikh Ismail menerusi temu bual di stesen radio (IKIM, 2018) menyarankan supaya setiap guru perlu mempunyai '*trade mark*' tersendiri supaya dapat menjadi ikutan pelajar. Beliau mendatangkan contoh ketika beliau membaca al-Quran, anak-anak murid beliau akan ikut membaca dan meniru gaya bacaan beliau sehingga apabila anak-anak murid beliau membaca al-Quran di acara musabaqah, para hadirin akan mengetahui bahawa pelajar tersebut adalah anak murid Syeikh Ismail.

Pada tahun 1992, Syeikh Ismail dilantik sebagai Timbalan Pengetua Institut Tahfiz Sultan Haji Hasanal Bolkiah, Brunei Darussalam sehingga tahun 2000 (Najmiah Omar, 2017). Beliau kembali menabur khidmat bakti di tanah air apabila dilantik sebagai Imam Besar Masjid Putra pada tahun 1992 sebelum dilantik sebagai Imam Besar Masjid Negara dari tahun 2007 sehingga tahun 2019.

Syeikh Ismail merupakan seorang yang sangat aktif terutama dalam bidang yang berkaitan dengan al-Quran. Kepakaran Syeikh Ismail dalam bidang tahfiz dan al-Quran telah membolehkan beliau dilantik memegang beberapa jawatan penting di pelbagai peringkat seperti hakim Tilawah al-Quran peringkat negeri (Asyiqin Ab Halim et al., 2021), hakim Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) semenjak tahun 1982 sehingga sekarang. Beliau turut berpengalaman menghakimi Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA) anjuran kerajaan Malaysia dan juga negara luar seperti Arab Saudi, Mesir, Iran, Dubai, Brunei dan Qatar (Darul Quran, 2020).

Pelantikan Syeikh Ismail sebagai hakim Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah tepat dan memenuhi kriteria pihak jawatankuasa Majlis al-Quran Malaysia (MAQAM). Ini kerana jawatankuasa MAQAM telah menetapkan beberapa kriteria hakim musabiqah antaranya adalah mempunyai pengalaman yang luas dalam ilmu al-Quran seperti ilmu tajwid, tarannum, suara dan *faṣōḥah* supaya keputusan yang dibuat oleh jemaah hakim adalah tepat mengikut kepakaran dan pengalaman para hakim (Mohd Hasbie al-Shiddieque Ahmad, 2023).

Tidak ketinggalan, Shahrudin Pangilun et al. (2021) dan Asyiqin Ab Halim et al. (2021) menjelaskan Syeikh Ismail bersama tujuh orang pakar dalam bidang al-Quran telah dilantik menganggotai Unit Lajnah Tashih al-Quran yang mula beroperasi pada tahun 1988. Selain itu, Syeikh Ismail pernah diberi amanah sebagai Pengerusi Jawatan kuasa Teks Doa peringkat jabatan di JAKIM serta sering dijemput untuk memimpin bacaan doa dalam majlis-majlis rasmi negara mahu pun antarabangsa (Darul Quran, 2020).

### (c) Sumbangan dalam Bidang Tahfiz al-Quran

Sebagai seorang yang berpengalaman luas di bidang pengajian tahfiz al-Quran, Syeikh Ismail menjadi antara tokoh yang dirujuk bagi mendapatkan pandangan terhadap pendidikan tahfiz al-Quran. Nor Hafizi Yusof et al. (2022) menerusi kajiannya menjelaskan Syeikh Ismail berpendapat menceburi bidang pengajian tahfiz adalah satu pilihan yang terbaik namun adalah sesuatu yang sia-sia sekiranya tidak disertakan dengan amalan *murāja'ah* yang konsisten. Syeikh Ismail menambah, *murāja'ah* memerlukan kesungguhan dan peruntukan masa yang mencukupi agar hafazan dapat terpelihara dengan baik.

Sebagai contoh, memperuntukkan waktu pagi untuk hafazan dan *murāja'ah* sebelum mempelajari matapelajaran akademik manakala pada waktu malam pula, pelajar perlu diberi kebebasan untuk mereka bersedia menghafaz ayat baharu di samping mengulang hafazan yang lama. Syeikh Ismail menolak sistem hafazan ekspres yang hanya mengejar khatam hafazan dengan cepat tanpa menekankan aspek *murāja'ah*. Jelas di sini menunjukkan bahawa Syeikh Ismail sangat menitik beratkan aspek pemeliharaan hafazan al-Quran dalam kalangan hufaz. Justeru, hafazan memerlukan proses yang khusus bagi meningkatkan daya ingatan kepada al-Quran sebagaimana dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w menerusi sabdanya:

تَعَاهَدُوا هَذَا الْقُرْآنَ، فَوَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَهُوَ أَشَدُّ تَقَلُّبًا مِنَ الْإِبِلِ فِي عُقْلِهَا

Maksudnya: “Selalulah kamu membaca dan mengulangi al-Quran, demi jiwaku dalam genggamannya, sesungguhnya al-Quran sangat cepat hilang dari ingatan berbanding terlepasnya seekor unta liar dari ikatannya.” (HR. Imam al-Bukhari)

Khairul Anuar Mohamad et al. (2021) menyatakan hasil tarbiyah yang penuh hikmah daripada Dato' Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim selaku pengetua Maahad Tahfiz wal-Qiraat kepada seramai lapan orang di bawah pimpinannya telah melahirkan tokoh-tokoh al-Quran yang berjaya di dalam bidang al-Quran termasuklah Syeikh Ismail. Kumpulan mereka ini juga yang memberi sumbangan besar kepada perkembangan tahfiz al-Quran dan ilmu qiraat di Malaysia. Hal ini membuktikan perkembangan bidang tahfiz al-Quran pada hari ini sehingga ke peringkat universiti berasal dari hasil usaha generasi pertama Darul Quran. Ada di antara generasi pertama Darul Quran diberi amanah oleh kerajaan negeri untuk membina dan

menubuhkan Maahad Tahfiz Negeri iaitu Dato' Sallehudin bin Omar berkhidmat di Darul Quran, Syeikh Ismail di Terengganu dan Syeikh Uthman di Kedah.

(d) Sumbangan dalam Bidang Tajwid

Membaca al-Quran dengan hukum tajwid yang sempurna adalah sangat digalakkan, bahkan menjadi kewajipan buat umat Islam seluruhnya untuk memelihara kaedah-kaedah tajwid dengan bacaan *mad, qasr, izhar, idgham* dan *ikhfa'* yang sempurna (Zainora Daud, Shahrudin Saad & Hayati Hussin, 2018). Hal ini jelas dibuktikan menerusi firman Allah S.W.T di dalam surah al-Muzzammil ayat 4 iaitu:

أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْفُرْءَانَ تَرْتِيلاً

Maksudnya: “Atau lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah al-Qur'an dengan tartil (perlahan-lahan).”

Kepakaran dan sumbangan Syeikh Ismail di bidang tajwid dijelaskan oleh Najmiah Omar (2017) menerusi kajiannya dengan menyatakan bahawa qari ternama tanah air bernama Encik Ahmad Tarmizi bin Ali pernah berpeluang bertalaqi dengan Syeikh Ismail dari aspek tajwid, *fasahah* dan *waqf ibtida'*. Begitu juga Hajah Sepiah binti Muhammad pernah mendalami ilmu tajwid dengan Syeikh Ismail (Najmiah Omar et al., 2019) manakala Haji Salleh bin Saidi dan Hajah Siah @ Embat binti Mohamad Amin pula masing-masing berpeluang mendalami ilmu al-Quran dengan Syeikh Ismail.

Khalid Isa (2019) di dalam kajiannya telah merakamkan pandangan Syeikh Ismail mengenai metode Syeikh Mustafa Ismail terhadap aspek tajwid dalam tarannum dengan kenyataan bahawa Syeikh Mustafa Ismail merupakan seorang qari yang hebat dalam bidang tajwid, tarannum, dan qiraat. Menerusi kajian tersebut, Syeikh Ismail berpendapat, Syeikh Mustafa Ismail sangat mengambil berat terhadap bacaan al-Qurannya terutama dalam aspek tajwid yang melibatkan makhraj dan sifat huruf, hukum-hukumnya dan *waqf ibtida'*. Ini kerana tajwid menjadi perkara yang sangat penting dalam pembacaan al-Quran.

(e) Sumbangan dalam Bidang Qiraat

Mohd A'tarahim Mohd Razali (2016) telah menyenaraikan Syeikh Ismail sebagai salah seorang ulama dalam kalangan tokoh-tokoh al-Quran dan Qiraat di Negeri Terengganu yang tidak dinafikan kealiman mereka dalam perkembangan ilmu Qiraat di negeri tersebut. Malahan ketika diberi kepercayaan untuk membentangkan kertas kerja bertajuk “Peranan JAKIM dalam Pembangunan Institusi Qiraat di Malaysia” (Ismail Muhammad, 2010) menunjukkan ketokohan dan keilmuan beliau dalam menguasai ilmu Qiraat.

Pandangan Syeikh Ismail terhadap ilmu Qiraat turut dirakamkan oleh Khalid Isa (2019) apabila Syeikh Ismail diminta memberi komentar mengenai bacaan Qiraat yang menjadi kegemaran Syeikh Mustafa Ismail. Syeikh Ismail berpandangan bahawa bacaan qiraat Syeikh Mustafa Ismail menerusi bacaan qiraat Nafi' Riwayat Warsy serta qiraat Hamzah Riwayat Khalaf dan Khallad merupakan bacaan qiraat yang paling digemari oleh Syeikh Ismail.

(f) Sumbangan dalam Bidang Tarannum

Najmiah Omar (2017) telah menyenaraikan beberapa institusi yang menawarkan pengajian tarannum antaranya adalah Institut Al-Quran Terengganu (IQT) yang dahulunya dikenali

sebagai Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Terengganu (MTANT). Sedikit sejarah ringkas penubuhan MTANT yang diasaskan oleh Syeikh Ismail dinyatakan bersama. Najmiah Omar turut menjelaskan Syeikh Ismail mula mempelajari ilmu tarannum dengan guru bernama Ismail bin Mustafa yang dikenali dengan panggilan Pok We Kopi. Gurunya itu pernah memenangi pertandingan tilawah al-Quran pada tahun 1960-an. Berkat ketekunan dan kesungguhan mempelajari ilmu al-Quran, Syeikh Ismail telah menyertai pertandingan tilawah al-Quran peringkat daerah dan memenangi pertandingan tersebut.

Dalam kajian yang sama, Najmiah Omar menyenaraikan beberapa nama qari dan qariah yang pernah mendapat tunjuk ajar daripada Syeikh Ismail. Mereka adalah Encik Daud bin Mat Saman, Encik Mohamad Hafas bin Ali, Hajah Aminah binti Omar dan Haji Muhammad bin Awang Teh masing-masing mendalami ilmu al-Quran dan tarannum daripada Syeikh Ismail. Menerusi kajian yang lain, Najmiah Omar et. al (2017) turut menjelaskan Syeikh Ismail merupakan salah seorang daripada guru tarannum Haji Daud bin Che Man. Pencapaian Haji Daud yang terhebat ialah ketika dinobatkan sebagai johan Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1990 dan pada tahun yang sama beliau berjaya mendapat naib johan di peringkat antarabangsa.

Selain itu, Najmiah Omar et al. (2017) menambah, Haji Mazlan bin Ibrahim pernah mempelajari asas tarannum menerusi Syeikh Ismail dan pernah mendapat johan dalam pertandingan tilawah al-Quran di peringkat negeri Terengganu pada tahun 1999 dan 2000. Di samping itu, dalam kajian Najmiah Omar et al. (2019) mendedahkan qariah bernama Hajah Aminah binti Omar turut mempelajari tarannum daripada Syeikh Ismail.

Khalid Isa (2019) menerusi kajiannya mendedahkan secara ringkas bahawa Syeikh Ismail merupakan salah seorang daripada guru tarannum terkemuka di Malaysia dan pakar dalam bidang al-Quran. Kajian tersebut turut menyebut nama qari dan qariah terkemuka yang telah mendapat bimbingan Syeikh Ismail dalam aspek tarannum iaitu Dato' Haji Ahmad Faizul bin Ghazali dan Hajjah Nor Azrah binti Ayub. Penguasaan ilmu tarannum oleh Syeikh Ismail terbukti apabila beliau membuat pendedahan ringkas menerusi temu bual di stesen radio dengan memaklumkan beliau mempelajari ilmu tarannum sejak di peringkat sekolah lagi serta sangat tertarik dengan bacaan Tuan Haji Ahmad Mat Som Pergau dan Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong pada ketika itu (IKIM, 2018).

(g) Sumbangan Syeikh Ismail sebagai Jurulatih Qari dan Qariah Negara

Sebagai seorang yang melazimi bacaan al-Quran di dalam kehidupan seharian, Syeikh Ismail tidak jemu berkongsi ilmu al-Quran dengan masyarakat. Hal demikian bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w mengenai kelebihan orang yang belajar al-Quran dan kemudian mengajarkannya kepada orang lain iaitu:

حَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya: “Sebaik-baik daripada kamu adalah yang belajar al-Quran dan mengajarnya.”  
(Hadith riwayat Imam al-Bukhari dan Abu Dawud)

Oleh demikian, Najmiah Omar (2017) menerusi kajiannya ada menjelaskan penglibatan Syeikh Ismail sebagai jurulatih Kursus Tahsin peringkat negeri Terengganu dengan membimbing Hajah Sepiah binti Muhammad dalam aspek tajwid. Menurutnya, peserta-peserta Kursus Tahsin al-Quran di peringkat negeri Terengganu terdiri daripada qari dan qariah yang mewakili majlis tilawah al-Quran di peringkat daerah dan negeri. Bagi Kursus Tahsin peringkat



daerah, ianya dikelolakan oleh Pejabat Agama Negeri Terengganu manakala Kursus Tahsin peringkat negeri Terengganu pula di bawah kelolaan Pejabat Agama Negeri Terengganu dan Institut Quran Terengganu (IQT). Di samping itu, beberapa qari dan qariah turut berkongsi pengalaman mereka mendapat tunjuk ajar daripada beberapa orang guru al-Quran termasuk Syeikh Ismail menerusi Kursus Tahsin al-Quran anjuran JAKIM. Mereka adalah Haji Ismail Embong, Encik Mazlan bin Ibrahim dan Haji Rashid Ali.

## Kesimpulan

Berdasarkan kepada analisis sumbangan Syeikh Ismail yang telah dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa beliau merupakan tokoh al-Quran yang sangat berjasa dan berperanan penting dalam perkembangan ilmu al-Quran di Malaysia. Keilmuan dan pengalaman yang luas di bidang al-Quran dikongsi bersama bermula daripada diamanahkan menjadi pendidik sehingga kepada mengambil tanggung jawab melatih dan mengajar qari serta qariah negara tanpa mengenal jemu sekalipun telah menginjak usia. Selain itu, keterlibatan beliau sebagai hakim dalam majlis berprestij seperti majlis tilawah dan hafazan al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah menyerlahkan ketokohan beliau yang tiada tandingan. Secara kesimpulannya, kajian ketokohan yang dikemukakan di dalam kajian ini secara tidak langsung mampu memberikan sumbangan dalam memperkaya sejarah Islam serta memiliki hubungan yang kukuh dengan pembentukan sesebuah komuniti.

## Penghargaan

Penulisan ini adalah sebahagian daripada projek kerjasama Memorandum of Understanding (MOU) di antara Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Darul Quran JAKIM. Artikel ini juga adalah sebahagian daripada hasil kajian Doktor Falsafah penulis di Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Penulis mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada UPSI, Darul Quran JAKIM, penyelia dan rakan-rakan yang memberikan idea serta menyokong penulisan ini.

## Rujukan

Abdullah Basmeih, (2022). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) & Rimbunan Islamik Media.

Abdurrahman Umairah, (2000). *Rijal wa Nisa' Anzala Allāhu Fī Him Qur'āna*. Kairo: Dar al-Harm li al-Turath.

Asyiqin Ab Halim, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Khadher Ahmad, (2021). Sumbangan Tokoh-Tokoh Darul Quran Dalam Pembangunan Islam di Malaysia. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IX*, 97-114.

Asyiqin Ab Halim, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Khadher Ahmad (2021). Sumbangan Tokoh-tokoh Darul Quran Dalam Pembangunan Islam di Malaysia. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IX: Nadwah Ulama Melayu Dalam Akal Budi Nusantara*. 97–114.

- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali, (2013). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. Universiti Malaya: *The Online Journal of Islamic Education*. 1 (1), 28-39.
- Darul Quran (2020). *Sejarah & Perkembangan Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia: Edisi II*. JAKIM.
- Hasliza Talib, Nidana Yahya, Rosfaliza Abd Rahim, Zahanim Ahmad, & Farah Nur Rashida Rosnan, (2019). Dato' Yahya Othman, Tokoh Kepimpinan Dakwah Melayu Nusantara: Satu Kajian Konseptual dan Profil. *Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara*, 201–210.
- Idris Mansor, Kasyfullah Abd Kadir, (2018). Readers' Comprehension of the Translation of Words with Multiple Meanings in the Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 8-22.
- Ihaamie Abdul Ghani Azmi1, Asmawati Muhamad, Tengku Sarina Tengku Kasim, Asyiqin Ab Halim, (2022). Tadbir Urus Islam di Darul Quran: Satu Kerangka Konsep dalam Pendidikan Tahfiz. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. *Sains Insani*. 84-89.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Khairul Anuar bin Mohamad, Sedek bin Ariffin, & Mohd Zaini Zakaria. (2021). Sumbangan Dato' Salehuddin Bin Omar dalam Pendidikan al-Quran di Malaysia. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa al-Sunnah*, 17(2). 1-19.
- Khalid Isa, Muhammad Lukman Ibrahim, Mahyudin Daud. (2016). Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Ilmu Taranum al-Quran. *Jurnal al-Basirah*. 6 (1), 31- 47.
- Mohd A'tarahim Mohd Razali. (2016). Qiraat Mutawatir dan Kesannya Kepada Hukum Fiqh: Kajian Pengetahuan dan Pendedahan Dalam Kalangan Ilmuan Islam di Terengganu. Tesis Ijazah Kedoktoran. Universiti Malaya.
- Mohd Hasbie al-Shiddieque Ahmad. (2022). Keunikkan Sanad Dato' Haji Mohd Nor bin Haji Ibrahim. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*. 9 (1), 54 – 75.
- Muhammad Arif Musa, Abd Muhaimin Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh, Norazman Alias, Hayati Hussin, Zainora Daud. (2018). Terjemahan Ayat *Amthal* di dalam al-Quran: Kajian Terhadap Tafsir Pimpinan al-Rahman. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*. 14 (2), 147-156.
- Murihah Abdullah, Arieff Salleh Rosman, Abdul Hafiz Abdullah, Mohd Faez Ilias. (2015). Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah. Langkawi: *International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship*. 1-7.
- Najmiah Omar. (2017). Pengajian Tarannum al-Quran di Terengganu dari Tahun 1960-2013: Kajian Terhadap Metodologi Pengajaran Rogayah binti Sulong. Tesis Ijazah Kedoktoran. Universiti Malaya.

- Najmiah Omar, Fatimah Zaharah Ismail, Tasnim Abdul Rahman, Nik NorAzeah Nik Azman. (2017). Faktor-faktor Kejayaan Qari Negeri Terengganu dalam Kesenian Lagu Al-Quran. *Sains Insani*. 2, 35–41.
- Nasimah Abdullah, Lubna Abd Rahman. (2018). Eufemisme Dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Satu Tinjauan. *International Conference on Islamiyyat Studies*. 258-269.
- Nasimah Abdullah. (2017). Asbab al-Di'fu Fii Mada Maqruiyyah al-Nusus al-Quraniyyah al-Mutarjimah Ila al-Lughat al-Malayuwiyyah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. 73-82.
- Nasimah Abdullah. (2017). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan Terhadap Unsur Kesopanan Dalam Sosiolinguistik Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 4 (2), 135-149.
- Nor Hafizi Yusof, Mohd Faiz Hakimi Mat Idris, Felza Zulhibri Abdul Hamid, Muhammad Zawawi Ali. (2022). Pembinaan Modul Pintar Murajaah al-Quran di Institusi Pengajian Tahfiz Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 5, 94–105.
- Nordin Ahmad. (2015). Memperkasa Darul Quran ke Arah Memartabat Pendidikan Tahfiz di Malaysia. *JAKIM: Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara Dan Multaqa Huffaz Kali Ke IV*. 1-24.
- Nur Ain Hakimi Zakaria, Juliana Yusup, Nuruladha Majidi, Syed Najihuddin Syed Hassan. (2023). Sumbangan Syeikh Abdullah Basmeih dalam Bidang al-Quran. *E Prosiding Kertas Kerja: Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4*. 962-969.
- Shaharuddin Pangilun, Farhah Zaidar Ramli, Rohana Zakaria, Muhammad Syafee Salihin Hasan. (2020). Implikasi Penerbitan Mushaf al-Quran di Malaysia. *Jurnal Qiraat*. 43-55.
- Rasid Muhamad. (2006). *Konsep Hadhari serta Kaitannya dengan Islam: Satu Perspektif*. 105–128.
- Rosfaliza Abd Rahman, Siti Rashidah Abd Razak, Abdul Razif Zaini, & Zetty Nurzuliana Rashed. (2022). Ketokohan Transformasional Pendidikan Islam Negeri Selangor: Kajian Tokoh Sempena 20 Tahun KISDAR-KUIS. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16 (2), 1–14.
- Siti Intan Dahlia Mohammad Harun. (2011). Perkembangan Ilmu Qiraat Di Malaysia Dan Keperluannya di Institusi Pengajian Tinggi. *Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. 1-23.
- Zainora Daud. (2015). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Qiraat di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz al-Qur'an di Malaysia. Tesis Ijazah Kedoktoran. Universiti Malaya.
- Zainora Daud, Shaharuddin Saad, Hayati Hussin (2018). Tahap Keberkesanan Ilmu Tajwid: Analisis Terhadap Sekolah Tahfiz Swasta di Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs Vol. 2 (Special Issue)*. 24-35.
- Zakiyah Drajat, (1989). *Pendidikan Orang Dewasa*. Jakarta: Bulan Bintang.

Hira Dakwah, (2016). Bual bicara bersama Tan Sri tentang Pengalaman & Perkembangan Pengajian al Quran. <https://www.youtube.com/watch?v=1a82-zkQuCo>

Temu bual radio ikim.fm. (2018). Program Inspirasiku. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). <https://soundcloud.com/radioikim/inspirasiku-ybhg-tan-sri-dato-syaikh-hj-ismail-hj-muhammad>